

SUNNAH BAGI ORANG YANG AKAN BERQURBAN,

Apabila masuk 1 Dzulhijjah disunnahkan untuk tidak memotong kuku dan rambut bagi orang yang ingin melakukan qurban sehingga binatang qurbannya disembelih, berdasarkan hadith berikut:

قال رسول الله ﷺ: إذا رأيتم هلال ذي الحجة وأراد أحدكم أن يضحى فليمسك عن شعره وأظفاره

Apabila kamu melihat hilal Zulhijjah dan salah seorang dari kamu bermaksud akan melakukan qurban, hendaklah ia menahan diri tidak memotong rambut dan kukunya. (HR Muslim & Abu Daud)

Perhatian: Larangan menggunting rambut dan memotong kuku dalam hadith tersebut bukanlah larangan haram, sebaliknya hanya larangan makruh.

Hikmah dibalik larangan itu adalah supaya sempurna ampunan dan pembebasan dari api neraka untuk seluruh bagian anggota tubuhnya.

Rujukan: Hashiyah al-Baijuri (4/361) dan Mughni AlMuhtaj (6/134)